

# Intracksee juara nasyid Ihtifal IPT ASEAN 2017

BERITA HARIAN  
13/4/2017 p. VII

**Nilai:** Kumpulan Intracksee dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul johan pertandingan nasyid Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2017 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Mengetengahkan lagu Taksab, kumpulan Intracksee berjaya membawa pulang wang tunai RM3,500 berserta trofi. Lebih manis lagi, kumpulan itu turut menerima anugerah Persembahan Terbaik sekali gus memenangi wang tunai RM1,000 berserta trofi.

Naib johan pula disandang Kumpulan Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan lagu Hawa Khatulistiwa manakala tempat ketiga menjadi milik kumpulan Avuntu dari

Universiti Syarif Hidayatullah (UIN) Jakarta, Indonesia.

Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM2,000 dan RM1,500 beserta trofi. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

## Karyawan seni

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang menyempurnakan majlis penutupan pertandingan berkenaan.

Pertandingan nasyid Ihtifal IPT ASEAN 2017 itu diadakan oleh karyawan seni

Fauzi Marzuki, Hafiz Hamidun, Siso Kopratasa dan Azizul Haqim Md Anuar.

Sebanyak 12 kumpulan bertanding serta menerima penyertaan baharu daripada beberapa kumpulan antaranya Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau Perlis.

Sementara itu, Ketua Kumpulan Intracksee, Muhammad Hisyam Harith, berkata keistimewaan persembahan Intracksee kali ini tertumpu kepada mesej lagu berbanding aspek persembahan fizikal dan memberi tumpuan kepada lontaran vokal sebagai aspek penting serta gubahan muzik yang sangat mudah dan ringan.



Kumpulan Intracksee dari USIM muncul johan pertandingan nasyid Ihtifal ASEAN 2017.